

Abdullah lancar AgriBazaar bolehkan petani bekal pasaran secara online

PUTRAJAYA 25 Jun — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini melancarkan AgriBazaar, sebuah portal Internet yang membolehkan komuniti petani, peruncit dan pemborong daripada Industri Kecil dan Sederhana (IKS) memasarkan hasil keluaran mereka secara dalam talian *online*.

Portal tersebut berperanan sebagai landasan untuk para petani membekal dan memasarkan hasil keluaran harian mereka melalui modul-modul e-rancangan, e-jual beli, e-stok dan e-lojistik yang berasaskan internet.

Inisiatif tersebut merupakan usaha bersama antara MIMOS Berhad dan Jabatan Pertanian untuk meningkatkan produktiviti dan persaingan di dalam sektor pertanian di samping merapatkan jurang digital.

Perdana Menteri dalam ucapan-

nya mahu supaya kemudahan tersebut diperluaskan ke seluruh negara setelah sesi percubaan sistem itu yang bermula setahun lalu berjaya menarik minat lebih daripada 1,800 ahli yang menggunakannya setiap hari.

“AgriBazaar perlu digunakan sebagai portal e-perdagangan utama untuk negara dan semua pihak harus mengguna dan menyokongnya sebagai satu program nasional,” katanya.

Menurut Abdullah, penyediaan AgriBazaar yang beralamat ‘www.agribazaar.com.my’ merupakan satu pendekatan baru kerajaan dalam usaha meningkatkan industri pertanian negara sekali gus memberi keupayaan kepada para petani untuk memperoleh pendapatan yang jauh lebih besar daripada dahulu.

UM - 26/6/2004: 2
Beliau juga difahamkan melalui AgriBazaar, seorang pengusaha kerepek di Batu Pahat, Johor dapat menjual sejuta paket kerepek ubi dalam tempoh sebulan, iaitu satu jumlah yang difikirkan tidak mampu dicapai sebelum ini.

“Sektor pertanian kini berjalan dengan lancar dan kerajaan akan melaksanakan semua langkah yang perlu termasuk mengadakan pendekatan baru ini supaya masyarakat tani maju seiring dengan perkembangan sektor tersebut.

“Kita tidak mahu komputer hanya digunakan oleh golongan cendekiawan di universiti-universiti, tokoh-tokoh korporat atau orang kenamaan sahaja sebaliknya masyarakat kampung juga boleh menggunakan alat ini semudah mereka menggunakan cangkul,” katanya.

Menurut Abdullah, langkah kera-

jaan itu bagi menjadikan sektor pertanian lebih dinamik dan dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dalam peratusan yang besar.

Oleh itu, beliau mahu supaya langkah besar kerajaan yang dilakukan di bawah program e-komuniti itu digunakan sebaik mungkin oleh petani dengan mendaftarkan nama dan barangan mereka ke dalam perkhidmatan portal yang disediakan itu.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Jamaluddin Jarjis dan Ketua Eksekutif MIMOS Berhad, Datuk Dr. Tegku Mohd. Azzman Shariffadeen.